

Kos cegah jenayah semakin naik

Kerjasama orang ramai berkesan bantu wujudkan masyarakat selamat



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

MINGGU lalu, dalam keadaan tergesa-gesa, penulis terpaksa pulang ke kampung selepas dihubungi jiran yang mengesyaki rumah penulis di Parit Buntar, Perak dimasuki pencuri.

Jiran yang baik itu secara kebetulan mendapati pintu belakang rumah di tengah-tengah bandar itu terkopak, lalu menghubungi adik penulis yang tinggal tidak jauh daripada kawasan itu. Ini membolehkan beliau membuat pemeriksaan awal sebelum tiba penulis.

Memang betul rumah yang sentiasa kosong itu, kecuali pada hujung minggu bila penulis dan keluarga pulang untuk berehat, sudah diceroboh.

Apabila penulis sampai pada sebelah petang Jumaat, didapati keadaan di dalam rumah bersepah dan berselerak di sana sini.

Mujurlah tidak banyak barang berharga dilarikan kecuali sebuah dapur elek-

Satu-satunya kelaziman yang diamalkan oleh pencuri berkenaan ialah meninggalkan najis sebelum beredar dari premis yang mereka masuk. Entah apa ilmu sesat yang dipakai tidak siapa yang tahu.

Beberapa hari lalu, akhbar melaporkan seorang penjenayah warga Indonesia yang dikenali sebagai Mohamad Noor, 45 mati tertikam oleh parangnya sendiri ketika bergelut dengan penghuni sebuah rumah yang cuba dirompak bersama tiga lagi rakannya di Taman Kuang, Sungai Bakap di Nibong Tebal. Empat mangsa cedera ditetak sebelum penjenayah lain sempat melarikan diri sebaik polis tiba.

Terlintas juga dalam fikiran sama ada penjenayah terbabit orang sama yang memecah masuk ke rumah penulis beberapa hari sebelumnya kerana Nibong Tebal terletak berhampiran Parit Buntar.

Apa pun berdasarkan peristiwa yang dipaparkan di atas dan daripada cerita yang disampaikan oleh mereka yang pernah menjadi mangsa, adalah jelas penjenayah kini bukan saja lebih berani dan ganas, malah sudah mula mengalihkan kegiatan mereka ke kawasan luar bandar.

Menurut beberapa penduduk kampung

Sukar untuk dipastikan siapa sebenarnya penjenayah ini? Apakah mereka penagih dadah rakyat tempatan atau penatang asing? Atau kedua-dua golongan sekali?

Baru-baru ini, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee, dilaporkan sebagai berkata bahawa kebanjiran warga asing di negara ini dikesan sebagai antara punca peningkatan kadar jenayah dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata, daripada 43,220 kes membabitkan jenayah kekerasan tahun lalu, 2,161 kes membabitkan warga asing.

Ini menunjukkan lebih 5.1 peratus daripada jenayah kekerasan yang merangkumi samun, bunuh, mencederakan manusia, rogol, cabul, ugutan jenayah, peras ugut, merusuh, pencerobohan jenayah dan pencerobohan rumah, dilakukan oleh warga asing.

Statistik samun menggunakan senjata api bagi 2005 menunjukkan 25 peratus daripada 40 kes yang dilaporkan membabitkan warga asing sementara tahun lalu pula, antara 68 kes yang dilaporkan, 13 kes membabitkan warga asing.

Adalah dipercayai banyak lagi kes, te-

rutama membabitkan pecah rumah tidak dilaporkan. Bulan lalu polis mengarahkan pegawai dan anggotanya di seluruh negara memburu penjenayah pecah rumah sehingga ke akar umbi tanpa mengira kedudukan sosial mangsa sebagai usaha mengembalikan keyakinan orang ramai yang mula goyah akibat berleluasanya jenayah seumpama itu.

Arahan itu dikeluarkan berikutan peristiwa membabitkan bekas Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Albert Mah yang meninggal dunia selepas dcederakan penjenayah yang menceroboh kediaman beliau di Petaling Jaya.

Setakat ini kesan daripada arahan itu belum dirasakan. Bagaimanapun, orang ramai tidak harus menggantungkan harapan 100 peratus kepada pihak polis untuk menjaga keselamatan mereka kerana polis juga mempunyai banyak tugas lain.

Mungkin masanya sudah tiba untuk orang ramai mengambil inisiatif sendiri dengan menjaga keselamatan masing-masing. Ini boleh dilakukan dengan menuhkan pasukan kawalan sendiri di kalangan penduduk kampung atau kawasan perumahan.

Memang ada di sesetengah kawasan perumahan di Kuala Lumpur, penduduk berpakat sesama sendiri mengupah pengawal

trik, penapis air baru dibeli dan belum dipasang serta alat 'home theatre.'

Mungkin juga peralatan lain yang lebih besar dan berat seperti set TV, peti ais dan lain-lain tidak dapat dikeluarkan kerana semua pintu dan tingkap berkunci dan tidak boleh dibuka dari dalam.

Namun apa yang paling menyakitkan hati ialah 'habuan' yang ditinggalkan tetamu yang tidak diundang itu. Mereka meninggalkan selonggok najis di atas permaidani di tengah ruang tamu.

Apabila mula memasuki rumah, terasa seolah-olah berada dalam tandas yang terbiar sejak sekian lama. Akibatnya, tiga hari terpaksa dihabiskan untuk mengemas dan membersihkan rumah.

Sebenarnya kejadian ini bukanlah sesuatu yang terpencil di kawasan itu. Selepas berbual dengan teman rapat dan beberapa jiran, barulah diketahui kejadian pecah rumah sedemikian sudah banyak berlaku di kampung.

Ada di antara mangsa menghadapi trauma berpanjangan selepas diikat, diugut atau dcederakan dengan senjata tajam, selalunya parang.

yang ditemui, mereka kini takut untuk menunaikan solat fardu Jumaat kerana banyak kes rompakan berlaku pada waktu siang ketika golongan lelaki menunaikan solat Jumaat. Perompak mengambil kesempatan menjadikan suri rumah sebagai mangsa.

Sebelum ini, kejadian pecah rumah banyak berlaku di bandar besar seperti Kuala Lumpur atau di kawasan perumahan elit di pinggir bandar. Mungkin kerana tindakan polis yang lebih berkesan, penjenayah kini beralih ke luar bandar.

Di Kuala Lumpur, ramai kenalan penulis yang menjadi mangsa penjenayah pecah rumah ini. Ada di antara mereka yang pernah melalui pengalaman yang menggerunkan, seperti diikat atau anak gadis mereka diancam untuk dirogol, lebih daripada sekali.

Sejak beberapa tahun lalu, rumah penulis di Kuala Lumpur sudah diceroboh pencuri sebanyak dua kali, kali kedua mereka melarikan sebuah Proton Perdana. Sehingga sekarang kereta berkenaan belum ditemui.

FAKTA NOMBOR

Kes jenayah pada 2006

43,220

Kes jenayah kekerasan dilaporkan

2,161

Kes babitkan warga asing

13

Kes samun senjata api babitkan warga asing

keselamatan swasta untuk mengesan kenderaan keluar masuk ke kawasan mereka. Mereka seolah-olah tidak terlalu berharap kepada pasukan polis.

Apa yang jelas ialah sesuatu yang lebih tegas, berkesan dan berpanjangan perlu dilakukan oleh mana-mana pihak untuk membanteras kegiatan yang menyakitkan hati ini.

Jika kegiatan itu dibiarkan berterusan, tidak mustahil satu masa nanti suasana anarki akan wujud apabila penjenayah akan lebih berani dan berkuasa daripada orang ramai.

Tentulah tiada siapa yang mahu melihat pemilik rumah di Malaysia berlumba-lumba membina tembok konkrit setinggi bumbung, lengkap dengan penghalang pecahan kaca yang tajam atau pagar elektrik untuk menjaga keselamatan masing-masing seperti yang ada di sebuah negara jiran.

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara